

EKSPRESI BUDAYA LEKSIS SETIA DARI PERSPEKTIF MAKNA DAN NILAI: ANALISIS BERBANTU DATA KORPUS

Oleh : Hishamudin Isam

Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden
Kolej Sastera dan Sains
Universiti Utara Malaysia
MALAYSIA
din@uum.edu.my

Abstract;

Bahasa dapat melambangkan pemikiran dan mencerminkan identiti penuturnya. Bahasa jugalah yang menentukan pembentukan fikiran berdasarkan bentuk-bentuk dan golongan-golongan yang ada di dalamnya. Konsep SATHYA dengan penerima konsep SATHYA tersebut. Hubungan spiritual ini telah mengikat pengamal konsep SATHYA untuk mempercayai dan mengamalkan konsep tersebut sedaya mungkin. Perincian makna dan nilai konsep SATHYA yang begitu mendalam, khususnya untuk menjelaskan pemahaman aspek keagamaan dan falsafah bagi agama Hindu, telah menimbulkan suatu pertanyaan yang besar iaitu, adakah pengubahsuaian bentuk fizikal dari *sathya* kepada *setia* turut mempengaruhi peluasan makna dan nilai leksis tersebut dalam bahasa Melayu. Dalam pengiraan jumlah kekerapan, hanya leksis yang dianggap *content* atau *dominat lexical* sahaja yang akan diselidiki prosodi semantikanya, iaitu leksis dari golongan kata nama, kata kerja dan kata adjektif. Keadaan ini disebabkan oleh, hanya leksis yang dianggap *content* atau *dominant lexical* sahaja yang dapat menyerlahkan nilai bagi sesuatu leksis. Kecenderungan penutur menggunakan sesuatu leksis dalam pertuturan hariannya sehingga berupaya memancarkan manifestasi makna dan nilai, berupaya menyerlahkan bukti berkenaan ekspresi budaya yang terhasil daripada penggunaan sesuatu leksis. Buktinya, kepelbagaian makna *setia* yang dipancarkan menerusi penggunaannya, serta nilai yang tersirat di sebalik penggunaan *leksis* tersebut yang dibincangkan dalam makalah ini, dapat dihurai secara emperikal dan saintifik berdasarkan disiplin linguistik kognitif. Keadaan ini sekali gus dapat membuktikan bahawa terdapatnya jalinan yang tersurat dan tersirat antara realiti penggunaan bahasa.

Kata Kunci:

Ekspresi, Budaya, Leksis, Setia

Language can symbolize and reflect the identity of native speakers. Language can also determine the formation of mind based on the forms and factions within it. The concept of SATHYA does within the recipient. This spiritual relationship has tied SATHYA's believers to believe and practice the concept as possible they can. The Detail meanings and concept values of SATHYA is so profound, especially to clarify the understanding of religious and philosophical aspects of Hinduism,

has raised a great question whether there is any physical form of *sathya* customized into the loyal also influencing the expansion of the meaning and *leksis* values in Malay or not. In counting the number of occurrences, only *leksis* is considered the content or lexical dominance that only to be investigated its semantic prosody such as *leksis* of word class names, verbs, and adjectives. This situation is caused by that just *leksis* considered lexical as a content or lexical dominance that only can explain values into *leksis*. The tendency of speakers to use *leksis* in daily life that seeks to radiate the manifestation of meanings and values and explains evidence in respect of cultural expression that is brought about by using *leksis*. It shows that loyal diversity emitted to its users as well as the implicit values in the use of *leksis* reverse can be empirically and scientifically elucidated based discipline on cognitive linguistics. This situation can prove that there is a presence of reality of language use both explicit and implicit.

Keywords:
Expression, Culture, Leksic, Loyal

PENDAHULUAN

Bahasa dapat melambangkan pemikiran dan mencerminkan identiti penuturnya. Bahasa jugalah yang menentukan pembentukan fikiran berdasarkan bentuk-bentuk dan golongan-golongan yang ada di dalamnya. Oleh sebab hal yang tersebut, Asmah Haji Omar (1993) mengatakan bahwa, bahasa merupakan firasat atau petunjuk bagi sesuatu kebudayaan. Ekspresi budaya yang diserlahkan melalui penggunaan bahasa, mampu mempengaruhi perubahan yang bukan sedikit kepada banyak hal seperti perubahan struktur dan perubahan makna, tetapi menjangkau juga kepada perubahan sesuatu nilai dalam masyarakat.

Sementara Mangantar Simanjuntak (1982) pula mengatakan, kemajuan sains dan teknologi yang berlaku hari ini adalah hasil pemikiran manusia, iaitu hasil akumulasi ilmu yang terjadi dengan perantaraan bahasa. Ini bermakna, proses pemikiran manusia dicernakan melalui bahasa. Melalui pemikiran yang dicernakan dengan menggunakan bahasalah, falsafah kehidupan manusia tercipta, yang akhirnya memancarkan ekspresi budaya suatu nilai yang menjadi pegangan sesuatu komuniti masyarakat. Kenyataan ini juga membuktikan bahawa, penggunaan sesuatu bahasa dapat menjelaskan ekspresi budaya sesuatu masyarakat. Dalam konteks linguistik (khususnya linguistik kognitif), keadaan ini boleh dihurai dengan lebih empirikal dan sistematik melalui analisis terhadap leksis-leksis yang digunakan dalam sesuatu bahasa. Analisis dijalankan dengan menyingkap manifestasi sebenar sesuatu leksis yang digunakan oleh penutur bahasa berasaskan pemerhatian terhadap interpretasi makna dan nilai leksis tersebut. Dalam kajian ini, leksis yang akan dijadikan subjek perbincangan ialah leksis *setia*.

PEMBAHASAN

Leksis Setia

Kajian-kajian berkenaan kata pinjaman dalam bahasa Melayu sebelum ini telah membuktikan bahawa leksis *setia* dipinjam daripada bahasa Sanskrit (Gonda 1973; Mohamad Ngajenan 1992 & Wilkinson 1963), dan diletakkan dalam kelompok kata pinjaman bahasa Sanskrit berkenaan perasaan dan keadaan (Zainal Abidin 2002). Leksis ini dipercayai diserap

masuk ke dalam bahasa Melayu seiring dengan kedatangan orang India ke Semenanjung Tanah Melayu dengan membawa bersama agama dan kepercayaan mereka. Setibanya mereka di Tanah Melayu, orang India yang beragama Hindu, telah mengamalkan dan mempraktikkan ritual agama mereka dengan menggunakan bahasa Sanskrit (Winstedt 1935), sehingga memungkinkan pelbagai lexis daripada bahasa tersebut, terutama lexis yang berkaitan dengan agama dan kepercayaan diserap masuk ke dalam bahasa Melayu tanpa disadari.

Selain mengamalkan dan mempraktikkan ritual agama Hindu, Mohd Pitchay Gani (2000) mengatakan, mereka juga meluaskan pengaruh Hindu-Buddha dengan mengembangkan kebudayaan mereka menerusi penggunaan epik Hindu yang terkemuka yaitu Ramayana dan Mahabrata, dengan beberapa perubahan dan diadaptasikan ke dalam konteks masyarakat tempatan. Hubungan yang terjalin inilah yang telah menyebabkan beratus-ratus lexis Sanskrit meresap masuk¹ ke dalam bahasa Melayu, termasuklah lexis *setia*.

Secara etimologinya, lexis *setia* berasal daripada lexis Sanskrit *sathya* (Gonda 1973). Melalui proses diaspirasi (pengguguran bunyi konsonan [h] dalam sesuatu lexis), *sathya* berubah bentuk menjadi *setia*, untuk disesuaikan dengan lidah sebutan Melayu. Seorang pakar bidang kosa kata dan peristilahan bahasa Sanskrit, Satya Deva Misra (1978) pula mengatakan bahawa, lexis *sathya* atau *setia* (juga disebut sebagai *satyam*) berkemungkinan berasal dari pada lexis *bhakti* yang bermaksud [setia], [kerja], dan [puja]. Leksis ini dikelaskan dalam kata-kata untuk tujuan keagamaan dan falsafah.

Dalam membincangkan penggunaan lexis *sathya* untuk tujuan keagamaan dan falsafah, I Ketut Adhimastra (2009) menyatakan, menurut kitab suci agama Hindu, Atharwa Veda XII.II, konsep SATYA adalah unsur keimanan yang pertama dalam agama tersebut, dan nilainya dianggap sebagai nilai yang tinggi. Leksis *sathya* dikatakan berasal dari kata akar *sat* yang bererti kebenaran, kejujuran, dan ketuhanan. Konsep kebenaran dan kejujuran ini bolehlah ditafsirkan kepada tiga perincian berikut:

Kebenaran – mempercayai wujud kekuasaan tuhan (dewa) yang bersifat khusus

Kejujuran – konsep PANCHA SATHYA (kesetiaan yang lima)

SATHYA HRIDAYA – setia akan keimanan atau kata hati

SATHYA WACANA – setia akan ucapan atau kata-kata

SATHYA SAMAYA – setia akan janji

SATHYA MITRA – setia dalam persahabatan

SATHYA LAKSANA – setia dalam perbuatan

Kebenaran dalam erti relatif – contohnya seperti setia warga kepada negaranya, setia isteri kepada suaminya

Ketiga-tiga perincian ini menjelaskan wujudnya hubungan yang bersifat spiritual antara pengamal konsep SATHYA dengan penerima konsep SATHYA tersebut. Hubungan spiritual ini telah mengikat pengamal konsep SATHYA untuk mempercayai dan mengamalkan konsep tersebut sedaya mungkin. Perincian makna dan nilai konsep SATHYA yang begitu mendalam, khususnya untuk menjelaskan pemahaman aspek keagamaan dan falsafah bagi agama Hindu, telah menimbulkan suatu pertanyaan yang besar iaitu, adakah pengubahsuaian bentuk fizikal dari *sathya* kepada *setia* turut mempengaruhi peluasan makna dan nilai lexis tersebut dalam bahasa Melayu. Untuk menjelaskan hal ini, perbincangan akan diteruskan dengan memperinci tatacara analisis bagaimana makna dan nilai lexis *setia* dapat dikupas secara empirikal dan saintifik berdasarkan ilmu linguistik.

Tatacara Analisis

Analisis dijalankan dengan memerhati perilaku sebenar leksis *setia* (data diperoleh daripada data subkorpus majalah (M) dan buku (DB3) di bawah pangkalan data korpus Dewan Bahasa dan Pustaka) yang digunakan oleh penutur bahasa dari aspek makna dan nilai. Berbantuan capaian *concordance* dalam program *Wordsmith Tool 4* (Oxford University Press, 2010), setiap bilangan keberlakuan (*tokens*)² leksis *setia* akan dianalisis untuk menyelidik peluasan makna yang mungkin terhasil daripada penggunaan leksis *setia* dalam ayat yang digunakan (seperti terlampir dalam rajah 1).

File	%	Word	L	U	us	L	U	us	File	%
428	73%	setia	16,262	815	6%	0	2%	0	2%	bukan inisial.txt
429	73%	setia	16,249	817	3%	0	2%	0	2%	bukan inisial.txt
430	73%	setia	16,238	815	8%	0	2%	0	2%	bukan inisial.txt
431	72%	setia	16,227	815	6%	0	2%	0	2%	bukan inisial.txt
432	72%	setia	16,214	814	3%	0	2%	0	2%	bukan inisial.txt
433	72%	setia	16,203	813	1%	0	2%	0	2%	bukan inisial.txt
434	72%	setia	16,191	813	3%	0	2%	0	2%	bukan inisial.txt
435	72%	setia	16,182	813	3%	0	2%	0	2%	bukan inisial.txt
436	72%	setia	16,166	812	1%	0	2%	0	2%	bukan inisial.txt
437	72%	setia	16,144	812	9%	0	2%	0	2%	bukan inisial.txt
438	72%	setia	16,127	809	8%	0	2%	0	2%	bukan inisial.txt
439	72%	setia	16,102	808	0%	0	2%	0	2%	bukan inisial.txt
440	72%	setia	16,090	807	8%	0	2%	0	2%	bukan inisial.txt
441	72%	setia	16,076	806	8%	0	2%	0	2%	bukan inisial.txt
442	72%	setia	16,048	805	0%	0	1%	0	1%	bukan inisial.txt
443	72%	setia	16,037	805	5%	0	1%	0	1%	bukan inisial.txt
444	72%	setia	16,026	803	2%	0	1%	0	1%	bukan inisial.txt
445	72%	setia	16,013	803	2%	0	1%	0	1%	bukan inisial.txt
446	71%	setia	16,002	802	5%	0	1%	0	1%	bukan inisial.txt
447	71%	setia	15,991	801	5%	0	1%	0	1%	bukan inisial.txt
448	71%	setia	15,979	801	5%	0	1%	0	1%	bukan inisial.txt
449	71%	setia	15,973	800	0%	0	1%	0	1%	bukan inisial.txt
450	71%	setia	15,944	799	0%	0	1%	0	1%	bukan inisial.txt
451	71%	setia	15,919	798	6%	0	1%	0	1%	bukan inisial.txt
452	71%	setia	15,902	797	0%	0	1%	0	1%	bukan inisial.txt
453	71%	setia	15,890	797	3%	0	1%	0	1%	bukan inisial.txt
454	71%	setia	15,879	796	6%	0	1%	0	1%	bukan inisial.txt
455	71%	setia	15,862	796	2%	0	1%	0	1%	bukan inisial.txt
456	71%	setia	15,832	796	9%	0	0%	0	0%	bukan inisial.txt
457	71%	setia	15,818	796	9%	0	0%	0	0%	bukan inisial.txt
458	70%	setia	15,767	794	2%	0	0%	0	0%	bukan inisial.txt
459	70%	setia	15,751	794	9%	0	0%	0	0%	bukan inisial.txt
460	70%	setia	15,740	794	2%	0	0%	0	0%	bukan inisial.txt
461	70%	setia	15,721	794	0%	0	0%	0	0%	bukan inisial.txt
462	70%	setia	15,711	793	7%	0	0%	0	0%	bukan inisial.txt
463	70%	setia	15,700	792	7%	0	0%	0	0%	bukan inisial.txt

Rajah 1: Capaian *concordance* menunjukkan leksis yang berkolokasi di kiri dan kanan leksis *setia*

Rajah 1 di atas memaparkan capaian *concordance*³ yang dapat memperlihatkan bilangan keberlakuan (*tokens*) leksis *setia*, berserta bilangan leksis (*types*)⁴ yang berkolokasi di kiri dan kanan leksis *setia* (seperti yang ditunjukkan dalam kotak tandaan merah). Setiap bilangan keberlakuan leksis *setia* akan dianalisis perilaku sintaksisnya untuk meninjau peluasan makna yang mungkin berlaku dalam bahasa penggunaan.

Selain itu, melalui capaian *collocate*⁵ pula, akan diperhatikan bilangan leksis (*types*) yang sering kali melingkari penggunaan leksis *setia*. Dalam pengiraan jumlah kekerapan, hanya leksis yang dianggap *content* atau *dominat lexical* sahaja yang akan diselidiki prosodi semantikanya, iaitu leksis dari golongan kata nama, kata kerja dan kata adjektif. Keadaan ini

disebabkan oleh, hanya leksis yang dianggap *content* atau *dominant lexical* sahaja yang dapat menyerlahkan nilai bagi sesuatu leksis. Kekerapan leksis-leksis tersebut berkolokasi dengan leksis *setia* akan menimbulkan impak terhadap nilai yang terpancar dari pada penggunaan leksis tersebut. Sekiranya lebih banyak leksis yang diyakini bernilai positif mendominasi kolokasi dengan leksis *setia*, maka leksis *setia* dapat diyakini turut bernilai positif (Louw, 1993).

N	Word	With	erat	Total	Left	Right	L1	L4	L3	L2	L1	Centre	R1	R2	R3	R4	R5
4	PEMINAT	setia	0.00	223	214	6	0	4	8	14	183	0	0	1	2	0	3
5	SEKIAN	setia	0.00	174	172	10	24	0	10	0	0	0	10	13	7	0	0
6	DI	setia	0.00	149	47	102	11	18	12	6	0	0	34	22	12	21	13
7	KEPADA	setia	0.00	135	26	110	3	8	2	12	0	0	82	4	18	1	5
8	MENJADI	setia	0.00	125	119	6	6	11	18	81	0	0	0	2	1	2	1
9	TIDAK	setia	0.00	117	56	61	0	2	8	4	42	0	6	14	20	18	3
10	SUCUKANG	setia	0.00	117	108	9	1	23	32	46	0	0	0	0	4	4	1
11	PEMBARA	setia	0.00	113	111	2	1	8	14	2	85	0	2	0	0	0	0
12	DENGAN	setia	0.00	98	41	57	4	21	12	0	4	0	38	4	2	9	4
13	INI	setia	0.00	94	52	42	6	18	4	18	6	0	0	15	8	10	8
14	SEBAGAI	setia	0.00	93	83	10	5	10	16	52	0	0	6	0	1	1	2
15	UNTUK	setia	0.00	87	54	33	3	15	10	14	12	0	10	7	6	6	4
16	MASIH	setia	0.00	87	75	12	1	0	0	8	63	0	0	8	2	2	0
17	DIA	setia	0.00	83	71	12	1	22	20	20	0	0	0	10	2	0	0
18	IAAI	setia	0.00	81	72	9	0	0	0	12	63	0	0	8	0	0	1
19	ADALAH	setia	0.00	80	72	8	7	21	12	32	0	0	6	0	0	2	0
20	MEREKA	setia	0.00	72	36	37	12	16	2	4	2	0	12	0	6	9	10
21	TETAP	setia	0.00	71	63	8	0	3	6	2	52	0	0	0	2	2	4
22	PADA	setia	0.00	69	22	47	3	11	8	0	0	0	25	6	8	6	2
23	ITU	setia	0.00	69	20	49	5	7	4	2	2	0	18	6	8	10	7
24	MAJALAH	setia	0.00	69	2	66	0	2	0	0	0	0	50	12	2	1	1
25	SINI	setia	0.00	61	57	6	22	24	6	3	2	0	0	0	0	0	6
26	TFMAN	setia	0.00	61	59	2	1	8	6	4	43	0	0	0	0	1	1
27	STERI	setia	0.00	65	47	9	5	8	8	22	4	0	4	2	0	2	1
28	KEBANYA	setia	0.00	65	39	16	10	3	12	10	4	0	4	2	6	4	0
29	BERSAMA	setia	0.00	65	7	48	0	1	6	0	0	0	42	4	0	0	2
30	KAMI	setia	0.00	63	14	39	2	6	0	4	2	0	0	32	0	4	3
31	ANUA	setia	0.00	62	28	24	0	0	4	12	4	0	10	0	2	4	0
32	ILHUS	setia	0.00	61	40	11	0	0	6	2	32	0	0	6	0	4	1
33	MPNANT	setia	0.00	47	3	46	1	2	0	0	0	0	46	0	0	0	0
34	AKAN	setia	0.00	48	36	12	1	13	4	8	10	0	4	2	2	3	1
35	AKU	setia	0.00	48	30	16	4	6	4	16	0	0	0	4	6	4	2
36	PALING	setia	0.00	42	38	4	0	4	0	0	34	0	0	2	0	0	2
37	SUAMI	setia	0.00	41	11	30	1	0	4	6	0	0	2	22	2	4	0
38	ORANG	setia	0.00	40	26	14	3	7	4	6	0	0	2	0	4	4	4
39	SEKIAN	setia	0.00	39	19	20	2	0	0	4	0	0	0	0	12	2	4

Rajah 2: Capaian *collocates* menunjukkan bilangan leksis yang paling kerap berkolokasi dengan leksis *setia*

Rajah 2 di atas memperlihatkan capaian *collocates* yang dapat mempamerkan bilangan leksis yang paling kerap berkolokasi dengan leksis *setia*. Kotak tandaan merah melintang menunjukkan contoh bagaimana bilangan kekerapan sesuatu leksis dikira. Misalnya untuk leksis *peminat*, kolokasi yang dikira paling kerap berlaku ialah di sebelah kiri dengan catatan 214 bilangan keberlakuan (bilangan kekerapan dikira berdasarkan bilangan kekerapan yang paling tinggi sama ada di bahagian kiri atau di bahagian kanan). Sementara itu, kotak tandaan merah ke bawah pula menunjukkan bilangan leksis (*tokens*) yang paling kerap berkolokasi dengan leksis *setia*, berserta bilangan keberlakuan di bahagian kiri, kanan dan jumlah keseluruhan.

Ekspresi Budaya Leksis Setia

Hasil kajian mendapati, penggunaan leksis *setia* oleh penutur bahasa Melayu (di Malaysia) telah memancarkan ekspresi budaya yang dapat menyerlahkan peluasan makna dan nilai leksis tersebut.

Peluasan Makna [setia]

Dari segi peluasan makna, analisis yang dijalankan telah berupaya membuktikan bahawa, penutur bahasa Melayu (di Malaysia) telah menggunakan leksis *setia* di luar daripada jangkauan makna [setia] yang direkod dalam *Kamus Dewan* (2005) dan *Kamus Besar Bahasa Indonesia* (2009). Hasil analisis menunjukkan, selain membawa makna [teguh hati] dan [berpegang teguh], leksis *setia* juga boleh membawa makna [patuh], [patriotik], [sabar], [jujur], [tegar], [komitmen], [sanggup], dan [cinta yang mendalam]. Berikut disertakan jadual 1 yang dapat menunjukkan peluasan makna leksis *setia* daripada bukti penggunaan (berdasarkan data korpus yang dianalisis).

Jadual 1: Peluasan makna [setia]

Bil.	Makna	Tujuan	Bukti Leksis
1.	[patuh]	menzahirkan penghormatan dan pendinaan (merendah diri)	tunduk ikat
Contoh Penggunaan:			
Presiden USIA yang baru dilantik tersebut meyakini bahawa ikatan kukuh yang terjalin di antara ahli dan barisan kepimpinan baru akan terus menyimpul nilai ***setia*** setiap ahli kepada pertubuhan amal tersebut. M539			
2.	[patriotik]	menzahirkan perasaan cintakan tanah air	negara tanah air ibu pertiwi
Contoh Penggunaan:			
Kalau ditinjau rata-rata, ramai daripada wanita-wanita yang ***setia*** dan berjasa pada <i>ibu pertiwi</i> ini, hinggalah ke hari tuanya, selagi ada hayat dikandung badan, ada kudrat untuk bergerak, mereka sentiasa mahu ke hadapan, tidak mahu mengalah tercicir di belakang, akan bersama-sama berganding bahu memajukan ekonomi negara. M479			
3.	[sabar]	menzahirkan tindakan yang tenang dan tidak terburu-buru	menunggu menanti
Contoh Penggunaan:			

Roziyah kelihatan *menanti* penuh ***setia*** jawapan yang bakal keluar daripada mulutku. M382

- | | | | |
|----|---------|---|------------------------------------|
| 4. | [jujur] | menzahirkan sifat lurus hati, tulus, dan ikhlas | tipu
curang
boleh dipercayai |
|----|---------|---|------------------------------------|

Contoh Penggunaan:

Tetapi hasrat itu terpaksa dilupakan kerana saya sedar bukan senang untuk mendapat pembantu yang ***setia*** dan *boleh dipercayai*." Pernahkah anda berprasangka buruk terhadap pembantu rumah? M172

- | | | | |
|----|---------|---|---|
| 5. | [tegar] | menzahirkan tanda sokongan yang jitu dan tidak dapat diubah | peN + KK/KA/KN
(pelilit + leksis
sanggup) |
|----|---------|---|---|

Contoh Penggunaan:

Tuala buruk itu sentiasa menjadi *pelilit* tengkuknya yang ***setia***, yang sanggup menadah peluh yang menitik dek bahang dibakar matahari petang. M736

- | | | | |
|----|------------|---|---|
| 6. | [komitmen] | menzahirkan bukti tanggungjawab dalam pekerjaan | Kata penguat
(sangat + leksis
berkhidmat) |
|----|------------|---|---|

Contoh Penggunaan:

Di tengah sawah beberapa orang penduduk desa sedang merumput pada tanah bendang yang sangat ***setia*** *berkhidmat* kepada petani sejak nenek moyang mereka meneroka desa pedalaman itu. DB3-277

- | | | | |
|----|-----------|---|------------------------|
| 7. | [sanggup] | menzahirkan usaha untuk melakukan sesuatu | meskipun
sungguhpun |
|----|-----------|---|------------------------|

Contoh Penggunaan:

Tatkala ini, hanya air mata yang penuh ***setia*** menemaninya, *sungguhpun* ia telah berlarutan sepanjang hari. M49

- | | | | |
|----|-----------------------|---|------------------|
| 8. | [Cinta yang mendalam] | menzahirkan emosi dan perasaan yang lahir dari hati | perasaan
rasa |
|----|-----------------------|---|------------------|

Contoh Penggunaan:

“Siapa yang tak marah kak, tak sakit hati. Kita betul-betul ***setia***, dia memainkan kita. *Rasa* bergelodak dan bergelora, semua ada” ujarnya dengan selamba. DB3-723

Jadual 1 di atas memperlihatkan pelbagai makna baru yang berpotensi untuk dirakam dalam Kamus Dewan untuk menunjukkan bagaimana penutur bahasa telah berupaya memancarkan makna leksis *setia* berdasarkan bukti penggunaan. Peluasan makna-makna baru ini jelas membuktikan bahawa bahasa dapat digunakan untuk mengekspresikan budaya sesuatu bangsa melalui leksis yang digunakan dalam pertuturan harian.

Nilai *setia*

Dari segi nilai pula, hasil analisis mendapati, bilangan leksis yang mencatat kekerapan yang tinggi berkolokasi dengan leksis *setia* adalah daripada golongan kata nama (dengan jumlah keseluruhan sebanyak 119), diikuti oleh kata kerja (54), dan kata adjektif (38). Berikut disertakan jadual 2 yang memaparkan bilangan kekerapan leksis yang berkolokasi dengan leksis *setia* dari pecahan penggolongan kata

Jadual 2: Bilangan leksis yang mencatat kekerapan yang tinggi dari pecahan penggolongan kata

Penggolongan Kata	Nilai	Data		Jumlah	
		DB3	M		
Kata Nama	Positif	60	48	108	119
	Negatif				
	Neutral	8	3	11	
Kata Kerja	Positif	25	23	48	54
	Negatif	1	2	3	
	Neutral	2	1	3	
Kata Adjektif	Positif	17	18	35	38
	Negatif				
	Neutral	2	1	3	
	Jumlah	115	96		211

Jadual 2 di atas memaparkan jumlah bilangan leksis mengikut pecahan penggolongan kata. Daripada jumlah keseluruhan 211 bagi bilangan leksis yang mencatat kekerapan tertinggi, leksis yang diyakini bernilai positif dilihat lebih mendominasi hubungan kolokasi

dengan leksis *setia* (dengan jumlah sebanyak 191 bilangan leksis / 90.5%). Hanya 3 bilangan leksis (1.4%) diyakini bernilai negatif, manakala 17 bilangan leksis (8%) bilangan leksis diyakini bernilai neutral (tidak dapat mempelihatkan dominasi positif atau negatif). Maklumat berikut boleh dilihat dalam jadual 3 di bawah.

Jadual 3: Jumlah dan peratus keseluruhan leksis dari sudut penilaian positif, negatif dan neutral

Penggolongan kata					
Nilai	Kata Nama	Kata Kerja	Kata Adjektif	Jumlah	Peratus
Positif	108	48	35	191	90.5
Negatif		3		3	1.4
Neutral	11	3	3	17	8
Jumlah	119	54	38	211	100

Manifestasi nilai yang baik ini membuktikan bahawa leksis *setia* telah mengalami perkembangan proses ameliorisasi (perkembangan makna yang baik atau yang disenangi) bermula dari kolokasi kata nama, kata kerja, hinggalah kepada kata adjektif. Contoh-contoh leksis seperti *peminat, penyokong, pembaca, rakyat, raja, negara, ilmu, agama, haji, harapan, pemimpin, Melayu, Islam, Allah* (untuk kata nama), *menjadi, ada, mempunyai, berkhidmat, berjaya, bersetuju, beraksi* (untuk kata kerja), dan *taat, kaya, ikhlas, maju, gagah, hadapan, penuh, hebat, rajin, patuh* (untuk kata adjektif) yang kerap diulang-ulang penggunaannya, menunjukkan bahawa suasana positif sering kali melingkari nilai bagi leksis *setia*. Keadaan ini menjadi bukti bahawa penutur berupaya memancarkan ekspresi budaya terhadap leksis yang digunakan dalam pertuturan harian mereka.

SIMPULAN

Kecenderungan penutur menggunakan sesuatu leksis dalam pertuturan hariannya sehingga berupaya memancarkan manifestasi makna dan nilai, berupaya menyerlahkan bukti berkenaan ekspresi budaya yang terhasil daripada penggunaan sesuatu leksis. Buktinya, kepelbagaian makna *setia* yang dipancarkan menerusi penggunaannya, serta nilai yang tersirat di sebalik penggunaan *leksis* tersebut yang dibincangkan dalam makalah ini, dapat dihurai secara emperikal dan saintifik berdasarkan disiplin linguistik kognitif. Keadaan ini sekali gus dapat membuktikan bahawa terdapatnya jalinan yang tersurat dan tersirat antara realiti penggunaan bahasa (menerusi leksis yang digunakan) dengan realiti sosial masyarakat (Crystal 1987; Wardhaugh 2002; Holmes 2008).

Endnotes

¹ Perihal kemasukan bahasa Sanskrit dalam bahasa Melayu telah disentuh oleh M.A.J. Beg (Muhammad Abdul Jabbar, 1981:22) dalam bukunya *Indo-Sanskrit Loan-Words in Malay*, yang berbunyi “*The Sanskrit loan-words entered into the Malay vocabulary over a long period of time. Perhaps these words came to Malaya before Malay language had any written record. Therefore, the Sanskrit loan-words are perhaps the pre-Islamic legacies of Malay vocabulary. However, literacy spread rapidly among the Malays after the coming of Islam to the Malay-Indonesian Archipelago*”.

² Wetzel (2009) menjelaskan maksud bilangan keberlakuan (*tokens*) sebagai bilangan unit leksikal yang digunakan dalam sesuatu korpus yang dikaji (misalnya leksis *setia* dikira sebagai 1 *type*, dan berapa banyak kali leksis *setia* digunakan dalam sesuatu korpus, dikira sebagai bilangan keberlakuan (*tokens*) bagi leksis *setia*).

³ Menurut McEnery, Xiao, dan Tono (2006:138) sebaris konkordans “*is a simple of a node word together with a simple of its linguistics environment, often defined as a span of words to left and right.*”

⁴ Menurut Wetzel (2009), *type* ialah bilangan unit leksikal yang akan dikaji (bermakna satu leksis bersamaan dengan satu *type*)

⁵ Sinclair (1991:170) mengatakan kolokasi ialah “*the occurrence of two or more word within a short space of each other in a text.*”

RUJUKAN

Asmah Haji Omar. *Bahasa dan alam pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1993.

Crystal, D. *Cambridge Encyclopedic of Language*. Cambridge: Cambridge University Press. 1987.

Gonda, J. 1973. *Sanskrit in Indonesia* (2nd ed.). New Delhi: International Academy of Indian Culture.

Holmes, J. *An introduction to sociolinguistics* (3rd ed.). London: Pearson Longman. 2008.

I Ketut Adhimastra. *Agama hindu sebagai latar belakang arsitektur tradisional Bali* (Materi Kuliah: Agama, MPK.1201). Denpasar: Fakultas Teknik, Universitas Dwijendra Denpasar. 2009.

Kamus Dewan Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2005.

- Louw, B. Irony in the text or insincerity in the writer? The diagnostic potential of semantic prosodies. Dlm. M. Baker, G. Francis & E. Tognini Bonelli (Eds.), *Text and technology: in honour of John Sinclair*, hlm. 157-175. Amsterdam: John Benjamins Publishing Co. 1993.
- Mangantar Simanjuntak. *Aspek bahasa dan pengajaran*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise. 1982.
- McEnery, T., Xiao, R. & Tono, Y. *Corpus-based language studies: an advance resource book*. New York: Routledge. 2006.
- Mohamad Ngajenan (Editor). *Kamus Etimologi Bahasa Indonesia*. Semarang: Penerbit Dahara Prize. 1992.
- Mohamed Pitchay Gani Mohamed Abdul Aziz. *Evolusi bahasa Melayu*. Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Seminar Unvision 2000, anjuran 4PM, pada 17 November 2000, di Hotel Century Roxy Park, Singapura. 2000.
- Muhammad Abdul Jabbar Beg (MAJ Beg). *Indo-Sanskrit loan words in Malay*. Kuala Lumpur: Penerbit. 1981.
- Oxford University Press. *WordSmith Tool*. <http://www.lexically.net/wordsmith/> [25 Januari 2010]. 2010.
- Satya Deva Misra. *Kata-kata pinjaman bahasa sansekerta dalam bahasa Malaysia*. (Khalid M. Hussain, Penterjemah). Dewan Bahasa, Julai 1978, 469-491. 1978.
- Sinclair, J. *Corpus, concordance, collocation*. Oxford: Oxford University Press. 1991.
- Tim Pustaka Phoenix (Penyusun). *Kamus Besar Bahasa Indonesia (Edisi Baru)*. Jakarta: PT Media Pustaka Phoenix Jakarta. 2009.
- Wardhaugh, R. *An introduction to sociolinguistics* (4th ed.). Massachusetts: Blackwell Publisher. 2002.
- Wilkinson, R. J. *An abridged Malay-English dictionary*. London: Macmillan. 1963.
- Wetzel, L. *Types and tokens: On abstract objects*. Cambridge: The MIT Press. 2009.
- Winstedt, R. O. A history of Malaya. *Journal of the Malayan branch of the Royal Asiatic Society*, Part 1, Vol. XIII: 11-19. 1935.
- Zainal Abidin Ahmad (Za'ba). *Ilmu mengarang Melayu* (Edisi ejaan rumi baharu). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 2002.